



Supply Chain Disruption; Cabaran Kos Logistik dan Kesan Kepada SME di Malaysia

SEPINTAS LALU

- **Event:** Supply Chain Disruption
- **Industri Berkaitan:** Semua industri yang menggunakan logistik sebagai sebahagian daripada operasi utama
- **Potensi Impak:** Industri yang bergantung kepada import bahan mentah, logistik, dan pengedaran terjejas akibat gangguan rantaian bekalan dan peningkatan kos. industri ini akan mengalami kenaikan harga bahan mentah, kelewatan penghantaran, serta cabaran dalam memenuhi permintaan pasaran.

OBJEKTIF

- Menganalisis cabaran utama yang dihadapi oleh SME dalam rantaian bekalan di Malaysia.
- Menyediakan strategi praktikal untuk PKS mengatasi isu logistik dan kos.

RUMUSAN

Kos operasi perniagaan dijangka terus meningkat tahun ini, dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kenaikan harga bahan mentah, kos tenaga kerja, serta cabaran dalam rantaian bekalan global. Presiden Persatuan Pengusaha Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Malaysia), Chin Chee Seong, menyatakan bahawa walaupun perniagaan cuba menyerap sebahagian beban kos ini, sebahagiannya tetap akan memberi kesan kepada harga produk dan perkhidmatan.

Selain peningkatan gaji minimum, kos lain seperti elektrik, bahan mentah, pengangkutan, dan cukai turut mencatatkan kenaikan. Menurutnya, SME turut berdepan persaingan daripada syarikat luar negara, terutama dari China dan India yang menawarkan harga lebih kompetitif.


"Situasi ini menjejaskan daya saing perniagaan tempatan. Apabila jualan menurun, sebilangan syarikat terpaksa menyesuaikan harga bagi menampung kos operasi," katanya.

Gangguan rantaian bekalan pula kekal sebagai cabaran utama bagi SME di Malaysia, terutamanya dalam menangani peningkatan kos logistik dan perubahan dalam perdagangan global. Beberapa industri seperti pembuatan, logistik dan e-dagangan dijangka terkesan secara langsung, dengan peningkatan kos operasi dianggarkan antara 3 hingga 5 peratus.



SME Berdepan Cabaran Kos Logistik yang Meningkat

- Pasaran logistik Malaysia dijangka berkembang daripada USD 33.68 bilion pada tahun 2025 kepada USD 53.17 bilion menjelang 2034, dengan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) sebanyak 5.20%.
- Pertumbuhan ini mencerminkan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan logistik, namun SME mungkin menghadapi cabaran dalam menampung kos yang semakin meningkat



Sumber: The Primary Research, Secondary Research, MRFR Database and Analyst Review

- Walaupun caj penghantaran meningkat secara berterusan sebagai tindak balas kepada gangguan Laut Merah dan lonjakan permintaan yang tidak dijangka, keadaan sedemikian tidak mampan dalam jangka panjang.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bercadang untuk mengawal selia harga asas kurier untuk mengekalkan industri, satu langkah yang mencetuskan kebimbangan mengenai potensi kesannya terhadap perniagaan yang sensitif terhadap kos.
- Perubahan ini termasuk gesaan untuk melaksanakan harga lantai bagi bungkusan, yang menurut mereka akan membantu mewujudkan persaingan yang lebih adil dalam sektor kurier.
- Pasaran kurier dan bungkusan Malaysia dijangka berkembang dengan ketara, mencecah anggaran AS\$1.58 bilion menjelang 2025, didorong oleh ledakan e-commerce.
- Bagi SME, kos logistik boleh mempengaruhi daya saing dengan ketara. Ramai kini berhadapan dengan kesukaran mengurus niaga, sama ada untuk menyerap perbelanjaan penghantaran yang semakin meningkat dan mengecilkan margin yang sudah tipis, atau memindahkan kos ini kepada pelanggan, mempertaruhkan penurunan jualan.
- "Bagi memastikan sektor logistik Malaysia terus menyokong SME dan ekonomi yang lebih luas, inovasi dan transformasi digital mesti menjadi tumpuan utama," kata SAMENTA



Gangguan Rantai Bekalan & Kos Logistik: Cabaran dan Peluang untuk SME di Malaysia

- Ketegangan geopolitik antara Amerika Syarikat dan China telah mendorong syarikat dalam sektor pembuatan dan semikonduktor untuk memindahkan operasi mereka ke negara-negara yang lebih neutral seperti Malaysia.
- Sebagai contoh, Pulau Pinang kini menjadi hab penting dalam pengeluaran semikonduktor, menempatkan pelbagai syarikat teknologi multinasional. Walaupun ini membuka peluang, SME tempatan perlu bersaing dalam rantai bekalan global yang semakin kompleks.
- Industri pembuatan di Malaysia turut menyaksikan peningkatan ketara dalam kos logistik.
- Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, nilai kerja pembinaan meningkat sebanyak 20.2% kepada RM158.8 bilion pada tahun 2024, yang turut mempengaruhi kos logistik.
- Selain itu, unjuran menunjukkan kenaikan kos operasi antara 3% hingga 5%, memberi tekanan tambahan kepada PKS dalam sektor ini.
- Pertumbuhan platform membeli-belah dalam talian dan perubahan keutamaan pengguna yang lebih cenderung membeli barangan secara atas talian telah menyebabkan peningkatan dalam penghantaran bungkusan serta operasi logistik.
- Namun, ekosistem e-dagang di Malaysia kini berdepan cabaran akibat kenaikan kos penghantaran dan ketidakselarasan kualiti perkhidmatan
- Kajian oleh Milieu Insight mendapati bahawa 73% pembeli akan mengurangkan pembelian mereka sekiranya kos penghantaran meningkat, yang boleh mengancam pertumbuhan industri e-dagang tempatan.

Peluang Strategik



1. **Mempelbagaikan Sumber dan Pasaran:** Mengurangkan kebergantungan kepada satu sumber atau pasaran dengan mencari alternatif di rantau ASEAN atau negara lain.
2. **Mengadaptasi Teknologi Digital:** Menggunakan teknologi seperti analitik data dan platform digital untuk meningkatkan kecekapan rantai bekalan.
3. **Kerjasama dengan Rakan Logistik:** Menjalin kerjasama dengan penyedia perkhidmatan logistik yang boleh menawarkan penyelesaian fleksibel dan kos efektif.
4. **Fokus pada Pengekalan Pelanggan:** Tawarkan ambang penghantaran percuma (contoh: penghantaran percuma untuk pembelian melebihi RM100) bagi menggalakkan pembelian dalam jumlah yang lebih besar.
5. **Mengoptimumkan Pengurusan Stok dan Rantai Bekalan:** Menyesuaikan strategi pengurusan stok dengan menggunakan sistem Just-in-Time (JIT) atau Just-in-Case (JIC) bagi mengimbangi kos penyimpanan dan risiko gangguan bekalan. PKS juga boleh meneroka model fulfillment center tempatan untuk mengurangkan pergantungan kepada penghantaran antarabangsa yang lebih mahal dan lambat.